

Headline	Bengkel interaktif herba Frim-SBC		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	119 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 655
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,964



## Bengkel interaktif herba Frim-SBC

Berita

**SERAMAI** 200 peserta termasuk usahawan dan bakal usahawan yang bakal menggiatkan industri herba di Sarawak berkongsi ilmu dengan lima pegawai penyelidik dan pakar tumbuhan dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) mengenai kefahaman terhadap industri herba serta potensi ekonominya.

Program itu dibawakan oleh Frim dengan kerjasama Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC) dan agensi di bawah Kerajaan Sarawak dengan menganjurkan Bengkel Interaktif Herba, yang julung kalinya diadakan di Simunjan, Sarawak, baru-baru ini.

Ia bertujuan untuk menguar-uarkan spesies herba sebagai tanaman komersial yang boleh diusahakan oleh komuniti setempat bagi menambah nilai sektor pertanian sedia ada.

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, pelaksanaan bengkel secara interaktif ini diharap dapat mengurangkan jurang komunikasi antara peserta.

"Ini sekali gus dapat meningkatkan keberkesanan program melalui penyaluran maklumat yang tepat hingga ke peringkat akar umbi," katanya.

Pelbagai bentuk aktiviti telah diadakan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sri Douglas Uggah Embas telah merasmikan majlis pelancaran bengkel tersebut.



Douglas Uggah (dua, kanan) menguji bau produk herba yang dipamerkan oleh SBC.